

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 (89)

10 Ogos 2022
12 Muharam 1444

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 29/2022

PENAMBAHBAIKAN DASAR BEKERJA DARI RUMAH BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil.1/2022 pada 21 April 2022 telah bersetuju menerima pakai Surat Edaran dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), JPA. SARAAN (S) 256/6/31 Jld.10 (30) mengenai Penambahbaikan Dasar Bekerja Dari Rumah bagi Pegawai Perkhidmatan Awam.

2. Penambahbaikan peraturan sedia ada adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberi perhatian dalam aspek kebajikan pegawai telah diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR.5.2.1 (Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR)) memperuntukkan bahawa:

- i. Ketua Jabatan adalah diwajibkan untuk membenarkan/ mengarahkan BDR kepada pegawai yang kematian suami atau isteri sebaik sahaja tempoh tiga (3) hari Cuti Tanpa Rekod (CTR); dan
- ii. Tempoh pemberian BDR ini hendaklah yang bersesuaian dan **tidak melebihi tempoh dua (2) minggu** termasuk Hari Kelepasan Mingguan, Hari Rehat Mingguan, dan Hari Kelepasan Am tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan

3. Sehubungan dengan itu, semua staf diminta mengambil maklum akan Penambahbaikan Dasar Bekerja dari Rumah bagi Pegawai Perkhidmatan Awam yang berkuatkuasa mulai 10 Mac 2022.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

GA/z0